

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN
BIN NAINA MERICAN
KAWASAN : KEPALA BATAS

SOALAN:

YB. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN (KEPALA BATAS) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai syarikat konsesi tol di seluruh Malaysia; apakah tarikh tamat konsesi mereka secara berasingan, apakah jumlah pengguna harian masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2015 terdapat 30 syarikat konsesi lebuh raya yang sedang beroperasi di negara ini. Maklumat jumlah purata trafik (harian) dan tarikh tamat tempoh konsesi pula ialah seperti berikut:

No.	Nama Lebuhraya	Jumlah Purata Trafik Harian	Tempoh Tamat Konsesi
1	Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS)	1,386,079	31 Disember 2038
2	Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH)	24,449	31 Disember 2038
3	Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)	71,468	31 Disember 2038
4	Lebuhraya LINKEDUA	102,712	31 Disember 2038
5	Jambatan Pulau Pinang (JPP)	78,978	31 Disember 2038
6	Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE)	192,191	31 Disember 2038
7	Lebuhraya KL-Karak (KLK)	100,864	28 Julai 2032
8	Lebuhraya Pantai Timur (LPT)	36,503	31 Disember 2032
9	Lebuhraya KL Seremban (METRAMAC)	131,935	31 Mei 2018
10	Lebuhraya Koridor Guthrie (GUTHRIE)	114,378	31 Mei 2036
11	Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur (AKLEH)	58,013	15 Mei 2029
12	Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA)	66,753	31 Julai 2047
13	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	118,530	15 Mei 2040
14	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	191,549	11 Mac 2030
15	Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS)	58,022	7 Mei 2039

No.	Nama Lebuhraya	Jumlah Purata Trafik Harian	Tempoh Tamat Konsesi
16	Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP)	472,404	14 Ogos 2029
17	Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)	224,025	Hubungan Penchala - 15 Disember 2031
			Hubungan Kerinchi-Damansara - 14 Disember 2034
18	Lebuhraya SMART	33,425	31 Disember 2042
19	Lebuhraya Cheras-Kajang (GRANDSAGA)	131,153	18 September 2045
20	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	321,629	18 Ogos 2023
21	Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE)	124,045	10 Ogos 2059
22	Lebuhraya KL-Putrajaya (MEX)	110,563	5 Disember 2037
23	Lebuhraya Senai-Desaru (SDE)	17,666	17 Julai 2038
24	Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK)	204,207	1 Ogos 2037
25	Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	33,864	20 November 2047
26	Lebuhraya KL-Kuala Selangor (KLKS)	53,146	28 Oktober 2048
27	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB)	87,531	22 Disember 2032
28	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	58,313	4 Februari 2028
29	Lebuhraya Penyuraian Trafik Timur Johor Bahru (EDL)	18,817	25 Februari 2042
30	Jambatan Pulau Pinang Kedua	9,389	7 November 2053
JUMLAH KESELURUHAN		4,632,602	

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (40)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN
[KEPALA BATAS]**

SOALAN :-

**Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN
[KEPALA BATAS]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai 10 PBT
paling cemerlang di Malaysia daripada beberapa sudut kutipan hasil
tahunan paling tinggi (5 lima tahun yang lalu), kecemerlangan menangani
aduan rakyat dan penduduk dan paling cemerlang dalam usaha
mentransformasikan perkhidmatan secara online.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Lawatan Sistem Star Rating, Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT 2013), prestasi Kutipan Hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:-

Bil	PBT	Kutipan Hasil (RM)
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1,904,387,554.91
2	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	309,271,908.00
3	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	285,478,593.00
4	Majlis Bandaraya Shah Alam	245,531,355.08
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	227,836,193.97
6	Majlis Perbandaran Klang	220,368,150.00
7	Majlis Bandaraya Johor Bahru	196,093,726.00
8	Majlis Perbandaran Seberang Perai	178,571,221.00
9	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	151,030,000.00
10	Majlis Perbandaran Kajang	129,185,206.00

Berhubung kecemerlangan PBT dalam penyelesaian aduan daripada rakyat, maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan jumlah aduan yang diperolehi sahaja seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bil. Aduan Setahun
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	21,000
2	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	13,699
3	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	20,299
4	Majlis Bandaraya Shah Alam	18,847
5	Majlis Bandaraya Johor Bahru	11,466
6	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	13,523
7	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	6,507
8	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	14,000
9	Majlis Bandaraya Ipoh	12,127
10	Majlis Perbandaran Kuantan	11,212

Untuk makluman, senarai PBT yang dinyatakan telah mengambil tindakan siasatan dalam tempoh 24 jam daripada penerimaan aduan. Bagi aduan bukan teknikal, PBT akan melaksanakan dengan kadar segera dan akan diselesaikan dalam tempoh 3 hari bekerja. Manakala bagi aduan teknikal

pula, ia bergantung kepada jenis aduan dan kaedah penyelesaian yang terlibat (contoh: penurapan jalan).

Bagi kecemerlangan transformasi PBT terhadap sistem atas talian, semua PBT yang bertaraf Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran telah melaksanakan sistem tersebut sebagai kemudahan pembayaran. Namun begitu, Terdapat PBT yang bertaraf Majlis Daerah melaksanakan sistem atas talian sepenuhnya tetapi terdapat juga Majlis Daerah yang tidak menggunakan kaedah ini berikutan keperluan yang kurang mendesak seperti Majlis Daerah Dabong (Kelantan), Majlis Daerah Kunak (Sabah) dan Majlis Daerah Subis (Sarawak).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Dato' Seri Reezal Merican bin Naina
Merican
[Kepala Batas]**

SOALAN : 41

Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarikat-syarikat yang menikmati pengecualian cukai Global Incentives for Trading (GIFT) bermula 2011. Berapakah amaun cukai yang telah dikecualikan kepada syarikat-syarikat ini sehingga Mac 2015.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga, khusus bagi EPP 4 - Membina Hab Pusat Penyimpanan dan Perdagangan Minyak Serantau adalah bertujuan untuk membina penyimpanan minyak dan hab dagangan untuk melengkapai keupayaan penyimpanan bebas 10 juta meter padu yang dimiliki oleh Singapura. Malaysia menjangka akan mencapai sasaran ini dengan memanfaatkan pelabuhan strategik sepanjang Selat Melaka, akses kepada kemudahan marin laut dalam dan ketersediaan tanah.

Selain daripada itu, EPP ini juga mengenal pasti empat pemacu perniagaan yang boleh menyokong matlamat ini:

1. Memecahkan kargo minyak mentah dan bahan api dari luar Asia menjadi kargo yang lebih kecil untuk diedarkan di rantau Asia
2. Mengurangkan kos dengan mengadun keluaran minyak mentah dari pengeluar serantau sebelum membekalnya sebagai stok suapan kepada penapis serantau
3. Menggabungkan pelbagai output penapisan bagi memenuhi campuran pelbagai produk hiliran
4. Memanfaatkan peluang arbitraj, di mana pasaran niaga hadapan bagi produk minyak boleh dilindung nilai melalui penyimpanan fizikal

Antara projek yang telah direalisasikan daripada EPP ini adalah Pelancaran Program Insentif Global untuk Perdagangan (GIFT) pada bulan Oktober 2011. GIFT, yang diterajui oleh Kerajaan, MPRC dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA), berpayung di bawah Labuan International Trading Commodity Company (LITC). Insentif utama program GIFT ialah pendapatan syarikat-syarikat di bawah program Global Incentives for Trading (GIFT) adalah dikenakan cukai pada kadar 3% dari keuntungan bersih sejajar dengan peruntukkan yang temaktub di dalam Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Maklumat syarikat-syarikat berkenaan boleh didapati di laman sesawang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) - www.lfsa.gov.my.

Perumusan Program Insentif Global untuk Perdagangan (GIFT) untuk mempromosi Malaysia sebagai hab perdagangan telah memainkan peranan yang penting untuk menarik syarikat perdagangan global dalam petroleum dan produk-produk petroleum untuk memulakan operasi di Malaysia. Dengan diterajui oleh MPRC, program ini dirumuskan bersama-sama dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA), Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

SOALAN : 41

**Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan sejauh manakah kajian impak
kepuasan pengguna KLIA2 telah dijalankan sejak pembukaannya pada
2 Mei 2014.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terminal KLIA2 mula beroperasi pada suku tahun kedua 2014 iaitu pada 2 Mei 2014. *Airports Council International (ACI)* telah menjalankan kajian bagi *Airports Service Quality (ASQ)* 2014 di mana sejak mula beroperasi, Terminal KLIA2 telah mencatatkan peningkatan dalam prestasi pencapaian kepuasan pelanggan jika dibandingkan dengan suku tahun-suku tahun sebelumnya pada tahun yang sama iaitu seperti berikut:

SUKU TAHUNAN	PENCAPAIAN (max. 5.00)
Q2 2014	4.75
Q3 2014	4.76
Q4 2014	4.83